



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

KEPENGKERUSIAN MALAYSIA BAGI MESYUARAT MENTERI- MENTERI TENAGA ASEAN KE-43 DAN MESYUARAT BERKAITAN PADA 16–17 OKTOBER 2025 DI KUALA LUMPUR PERKUKUH KERJASAMA TENAGA SERANTAU

Kuala Lumpur, 13 Oktober 2025 – YAB Datuk Amar Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), akan mempengerusikan **Mesyuarat Menteri-Menteri Tenaga ASEAN ke-43 (43rd AMEM)** dan mesyuarat-mesyuarat berkaitan pada **16 hingga 17 Oktober 2025 di Kuala Lumpur**.

Persidangan ini merupakan **platform utama kerjasama tenaga di rantau ASEAN** yang menghimpunkan Menteri-Menteri Tenaga negara anggota ASEAN, wakil rakan dialog luar ASEAN, organisasi tenaga antarabangsa, institusi kewangan pelbagai hala, pemain industri, dan pakar teknikal tenaga. Kali terakhir Malaysia menjadi tuan rumah dan mempengerusikan mesyuarat ini ialah pada tahun **2015**.

Agenda Utama Mesyuarat

Mesyuarat pada kali ini akan membincangkan pelbagai agenda strategik termasuk:

1. **Pelan Tindakan Tenaga ASEAN (APAEC) 2026–2030**, yang akan menjadi pelan hala tuju tenaga serantau bagi lima tahun akan datang;
2. **Memorandum Persefahaman (MoU)** serantau berkaitan **ASEAN Power Grid (APG)** dan **ASEAN Petroleum Security Agreement (APSA)** untuk memperkukuh kesalinghubungan tenaga, mempercepat peralihan tenaga rendah karbon, serta meningkatkan keselamatan bekalan tenaga serantau;
3. **Cadangan pelaksanaan ASEAN Power Grid Financing (APGF)** — satu inisiatif pembiayaan bersepadu dengan kerjasama **Bank Pembangunan Asia (ADB)** dan **Bank Dunia (World Bank)** yang bakal menyediakan kemudahan

kewangan lebih daripada **USD12.5 bilion** bagi membiayai kos projek sambungan grid merentas sempadan; dan

4. Pelbagai **inisiatif tenaga rendah karbon** bersama rakan dialog serta organisasi antarabangsa tenaga.

Kepimpinan Malaysia dalam Agenda Tenaga Serantau

Sebagai **Pengerusi ASEAN 2025**, Malaysia menerajui agenda tenaga serantau dengan menumpukan kepada pembangunan **ASEAN Power Grid (APG)** yang bukan sahaja menjamin bekalan tenaga berdaya tahan, malah penting untuk mengatasi cabaran perubahan iklim. Malaysia turut memberi penekanan kepada kerjasama dalam **pembentukan pasaran tenaga serantau** dan penetapan **piawaian Sijil Tenaga Boleh Baharu (Renewable Energy Certificate – REC) ASEAN**.

Mesyuarat-Mesyuarat Berkaitan

Selain Mesyuarat AMEM ke-43, beberapa mesyuarat lain akan turut berlangsung sepanjang dua hari tersebut, termasuk:

- (i) **AMEM+3** bersama China, Jepun dan Korea Selatan;
- (ii) **East Asia Summit Energy Ministers' Meeting (EAS EMM) ke-19**;
- (iii) **Dialog AMEM–Amerika Syarikat**; dan
- (iv) Sesi bersama **International Energy Agency (IEA)** dan **International Renewable Energy Agency (IRENA)**.

Anugerah dan Forum Serantau

Sebagai pengiktirafan terhadap **kecemerlangan dalam inovasi dan kemampanan tenaga**, majlis **Anugerah Tenaga ASEAN 2025 (ASEAN Energy Awards)** akan turut diadakan pada **16 Oktober 2025**. Tiga kategori utama iaitu ASEAN Coal Awards, ASEAN Energy Efficiency and Conservation Best Practices Awards dan ASEAN Renewable Energy Awards dipertandingkan bagi mengiktiraf pencapaian luar biasa dalam bidang tenaga di rantau ini.

Pada masa yang sama, **ASEAN Energy Business Forum (AEBF) 2025** akan berlangsung serentak dengan AMEM ke-43. Forum ini menjadi platform penting bagi sektor swasta termasuk pelabur, pemain industri, institusi kewangan, dan pemaju tenaga untuk membincangkan **peranan mereka dalam mempercepat peralihan tenaga ASEAN**.

Harapan PETRA

Sebagai Pengerusi Mesyuarat Menteri-Menteri Tenaga ASEAN ke-43, **PETRA akan mengetengahkan usaha kerajaan Malaysia dalam mempercepatkan agenda peralihan tenaga negara dan serantau.** Selaras dengan agenda Malaysia MADANI, PETRA juga berharap agar **pelaburan dalam sektor tenaga bersih di ASEAN dan Malaysia dapat dipertingkatkan**, selaras dengan aspirasi negara untuk membina ekosistem hijau yang berdaya saing di peringkat global.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
13 OKTOBER 2025

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my

